

Dasar meritokrasi akan diperincikan

UM: 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menjalankan dasar meritokrasi dengan cara yang membina untuk menyedarkan orang Melayu agar mengambil berat terhadap pendidikan bagi kebaikan mereka sendiri.

Katanya, dasar itu akan diteruskan tetapi akan diperincikan.

“Kita tidak akan menghancurkan segala-galanya (sebaliknya), akan melaksanakannya dengan cara yang membina. Tetapi setakat ini, saya belum dapat menghurainya lagi kerana saya akan memberi penerangan kepada anggota UMNO tidak lama lagi, saya akan jelaskan kepada mereka apa yang kita cadang hendak lakukan untuk menyedarkan ibu bapa dan masyarakat Melayu supaya mereka memberi perhatian bersungguh-sungguh kepada pendidikan untuk kebaikan diri mereka,” kata beliau.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan bercajak kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000

Menteri Kewangan di Perbendaharaan hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sijil penghargaan kepada kira-kira 30 orang kakitangan kementerian yang menerima kenaikan gaji secara melintang dan 45 orang penerima gaji secara menegak.

Perdana Menteri turut menerima sumbangan berjumlah RM90,000 daripada Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Penilaian Harta, Gabenor Bank Negara Malaysia, Institut Bank-bank, Jabatan Kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Sekuriti untuk tabung pemulihan Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya.

Jumaat lalu, Dr. Mahathir ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO berkata, kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah bumiputera termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti.

Langkah kerajaan itu bertujuan membangkitkan kesedaran mengenai

prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan berbanding pelajar bukan bumiputera.

Dasar yang dijangka dilaksanakan semester depan itu mendapat sokongan penuh daripada jemaah menteri, kelmarin.

Semalam, Dr. Mahathir menyatakan kerajaan akan menjelaskan dasar meritokrasi supaya dapat difahami oleh semua pihak tidak lama lagi.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Dr. Mahathir akan menemui ahli UMNO dalam satu perhimpunan khas pada bulan ini juga bagi menjelaskan dasar meritokrasi itu kepada mereka.

Mengenai kemungkinan pelaksanaan dasar meritokrasi itu dijadikan isu oleh Pas, Perdana Menteri berkata, UMNO yang menerajui kerajaan tidak akan mempedulikannya kerana tanggungjawab untuk membangunkan kaum Melayu adalah lebih besar.

“Pas akan menjadikan semuanya sebagai isu tetapi tetapi kita bukan bertanggungjawab semata-mata kepada parti, kita bertanggungjawab kepada rakyat,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, keruntuhan akhlak masyarakat Melayu adalah begitu ketara sejak kebelakangan ini dengan penglibatan dalam jenayah seperti rogol, bunuh dan kegiatan tidak bermoral seperti penagihan dadah atau ponteng sekolah.

“Apa juga jenayah, majoritinya Melayu, sedangkan apabila kita mencapai kemerdekaan dulu orang Melayu begitu serius sekali mahu belajar, hendak memperbaiki diri mereka. Tetapi kerana terlalu banyak politik dan hasutan Pas, mereka tidak boleh belajar dan kalau kita cuba untuk memperbaiki mereka, Pas akan menjadikannya sebagai isu,” kata Perdana Menteri.

Beliau menambah, penuntut universiti pun sudah mula mengugut jika kerajaan cuba menghalang mereka terlibat dalam politik untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran.

“Bila kita larang dia (penuntut universiti dari berpolitik) untuk tumpu kepada pelajaran, dia kata dia nak kempen untuk Pas, itu dah jadi ugutan,” kata beliau.